



SEMUA peserta dan AJK kejohanan bergambar bersama penasihat Kelab Badminton dan Jurulatih badminton UMS.

de 28.03.20/2 II

82 sertai badminton tertutup UMS

KOTA KINABALU: Kelab Badminton UMS dengan kerjasama Pusat Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengajurkan kejohanan Badminton Tertutup buat julung kalinya di Kompleks Sukan Likas baru-baru ini.

Seramai 82 peserta menyertai kejohanan dan mereka terdiri daripada pelajar-pelajar dan staf UMS.

Kejohanan yang berlangsung selama dua hari itu bertujuan untuk mencari bakat baru acara badminton bagi menyertai Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) siri 1 yang akan diadakan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), serta melahirkan mahasiswa-mahasiswa yang sihat dan cergas.

Permain perseorangan lelaki Zainoh Janjam mempamerkan aksi cemerlang dengan menundukkan Hassan Enses 22-20, 21-14 untuk muncul johan kategori perseo-

rangan lelaki. Manakala Zaen Ismail sekadar berpuas hati di tempat ketiga diikuti Lim Tzer Feng, keempat.

Sementara itu johan perseorangan wanita Leu Siew Ling mengambil masa 35 minit dalam perlawanan tiga set sebelum berjaya menewaskan Bettney Hajion dengan keputusan 21-4, 7-21, 21-10.

Pasangan beregu lelaki Muhammad Naqiuuddin Elias dan Mohamad Zulhusni Abdul Aziz mempamerkan corak permainan konsisten untuk muncul johan kategori beregu lelaki dengan kemenangan 21-16, 21-16 ke atas pasangan Ag. Khaifah Riyard Kiflee dan Mohd Azrie Rahman.

Dalam pada itu, juara beregu wanita dimeanggi Tan Gee Ying dan rakan sepasukan Liew Siew Ling. Pasangan ini menewaskan Anthena Kong Mei Tze dan Nurul Sahlina Sahidin dengan keputusan 21-6, 21-7.

Bagi kategori kakitangan, beregu Abdul Jalil dan Joybai bertungkus lumus sebelum berjaya menumpaskan pasangan Hanafiah dan Masrin 21-16, 21-16 dalam perlawanan 45 minit.

Penasihat Kelab Badminton UMS, Rodeano Rosli, yang juga pensyarah UMS menyatakan penghargaannya kepada semua pihak, terutamanya presiden Kelab Badminton UMS, Lim Tzer Feng dan pengarah kejohanan Lim Chee Teng atas kejayaan menganjurkan kejohanan buat julung kalinya.

"Saya berharap agar sukan badminton akan terus mekar dan menjadi sukan nombor satu di UMS pada masa akan datang," katanya.

Menurutnya lagi, Kelab Badminton UMS juga sedang dalam perancangan untuk menganjurkan Kejohanan 'Bayu Cup' yang akan melibatkan semua IPTA dan PTS seluruh Sabah.